



Headline: Macau Scam: Tukang masak rugi RM27,000 dalam sehari Language: English

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)

Date: 23 July 2019

Section: Tempatan

Page: 5

Macau Scam: Tukang masak rugi RM27,000 dalam sehari

KUANTAN: Bimbang ditangkap, menyebabkan seorang tukang masak kerugian RM27,000 dalam tempoh sehari, selepas diperdayakan sindiket Macau Scam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang Supt Mohd Wazir Mohd Yusof berkata mangsa yang berusia 55 tahun, mendakwa wang itu adalah 'jaminan' melepaskannya yang dikatakan terlibat dengan pengubahan wang haram.

Katanya, mangsa dihubungi suspek lelaki yang memperkenalkan diri sebagai 'Inspektor' Firdaus pada pagi Sabtu lalu, kononnya dari Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur.

"Suspek mendakwa dia boleh membantu mangsa untuk tidak ditahan dengan syarat mangsa perlu menuruti semua arahannya termasuk memindahkan wang ke dalam akaun yang diberikan.

"Mangsa berbuat demikian namun mula berasa curiga, apabila telah membuat empat transaksi pemindahan wang secara online," katanya kepada pemberita di sini, pada Isnin.

Suhubungan itu, mangsa membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan di sini semalam, dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat dan boleh didenda, jika sabit kesalahan. - Bernama